



APPLIED HISTORY JOURNAL OF MERONG MAHAWANGSA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ahjmm>

How to cite this article:

Norzaliza Ghazali, Mohd Nizho Abdul Rahman, Iskandar Adon & Azman Md Zain. (2026). Impak budaya popular terhadap nilai jati diri komuniti Melayu Islam: Suatu kajian penerokaan di Pantai Chenang, Langkawi, Kedah. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 4, 299-312. <https://doi.org/10.32890/ahjmm2026.4.17>

IMPAK BUDAYA POPULAR TERHADAP NILAI JATI DIRI KOMUNITI MELAYU ISLAM: SUATU KAJIAN PENEROKAAN DI PANTAI CHENANG, LANGKAWI, KEDAH

(The Impact Of Popular Culture on the Self-Value of the Malay Islamic Community: An Exploratory Study At Chenang Beach, Langkawi, Kedah)

¹Norzaliza Ghazali, ²Mohd Nizho Abdul Rahman,
³Iskandar Adon & ⁴Azman Md Zain

^{1,2,3&4}Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah,
Universiti Utara Malaysia

¹Corresponding author: zaliza@uum.edu.my

Received: 01/02/2026

Revised: 08/06/2026

Accepted: 23/07/2026

Published: 31/07/2026

ABSTRAK

Pembentukan jati diri bangsa mempunyai kaitan dengan warisan budaya seperti kebudayaan yang dihasilkan oleh masyarakatnya sendiri. Dalam era globalisasi dan digitalisasi, budaya popular telah menjadi daya penggerak utama dalam membentuk landskap sosial dan psikologi individu. Ia bukan sekadar hiburan, tetapi telah menyerap masuk ke dalam kehidupan seharian, mempengaruhi cara kita berfikir, dan bertindak. Institusi sosial dan agama dalam masyarakat memainkan peranan penting dalam usaha memupuk dan mempertahankan nilai sosial dan agama yang diwarisi. Pulau Langkawi, menjadi medan pertembungan budaya tempatan dan asing, terutamanya di kawasan pelancongan seperti Pantai Chenang. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan pendekatan etnografi. Dapatan kajian menunjukkan terdapatnya kepelbagaian bentuk-bentuk budaya popular antaranya ialah pertunjukan api, muzik jalanan,

budaya lepak dan budaya makan serta hiburan malam. Budaya popular ini memberikan implikasi yang positif dan negatif kepada komuniti Melayu Islam di Pantai Chenang. Implikasi positif budaya popular ini membuka ruang kreativiti, inovasi dan dapat menjana ekonomi. Manakala implikasi negatif pula budaya popular membawa unsur yang bercanggah dengan norma agama dan budaya tempatan seperti pergaulan bebas, pakaian tidak sopan dan gaya hidup bebas. Justeru, nilai budaya sesuatu bangsa hanya boleh diterima sebagai asas jati diri bangsa tersebut jika ia bersesuaian dengan nilai-nilai agama. Oleh yang demikian, untuk meningkatkan kekuatan jati diri bangsa Melayu adalah dengan penghayatan agama yang sebenar berdasarkan kepada asas-asas pendidikan al-Quran dan al-Sunnah.

Kata kunci: Budaya popular, identiti, jati diri, Melayu Islam.

ABSTRACT

The formation of national identity is intrinsically linked to cultural heritage, particularly the cultural traditions and practices developed by a community over generations. In the contemporary era of globalization and digitalization, popular culture has emerged as a significant force shaping individuals' social behaviour, values, and psychological orientations. Beyond functioning as a form of entertainment, popular culture has become deeply embedded in everyday life, influencing patterns of thought, emotions, and behaviour. At the same time, social and religious institutions continue to play a vital role in preserving and transmitting the religious and cultural values that underpin communal identity. As one of Malaysia's leading international tourist destinations, Langkawi, particularly Pantai Chenang represents a dynamic space where local and foreign cultures interact. This study employs a qualitative research design using an ethnographic approach to examine the manifestations of popular culture and their implications for the Malay-Muslim community in Pantai Chenang. The findings reveal various forms of popular culture, including fire performances, street music, leisure-oriented social gatherings (lepak culture), food culture, and nightlife entertainment. These cultural expressions generate both positive and negative consequences. Positively, they contribute to creativity, innovation, tourism development, and local economic growth. Conversely, they also introduce practices that may conflict with Islamic teachings and local cultural norms, including unrestricted gender interaction, immodest dress, and increasingly permissive lifestyles. Therefore, strengthening the identity of the Malay-Muslim community requires a comprehensive appreciation of Islamic teachings based on the principles of the Qur'an and the Sunnah.

Keywords: Popular culture, cultural identity, Malay-Muslim community, ethnography, Langkawi.

PENGENALAN

Perkembangan globalisasi telah mempercepatkan proses pertukaran budaya merentasi sempadan negara sehingga pelbagai unsur budaya asing dapat disebarkan dengan mudah melalui kemajuan teknologi komunikasi dan media massa. Fenomena ini bukan sahaja memperluas interaksi antara masyarakat dunia, malah turut mempengaruhi sistem sosial, gaya hidup dan corak pemikiran masyarakat tempatan. Salah satu manifestasi utama globalisasi ialah kemunculan budaya popular yang berkembang secara pantas dan diterima oleh pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira usia, bangsa atau latar belakang. Walaupun globalisasi berupaya memperkayakan kepelbagaian budaya sesebuah negara, fenomena ini juga berpotensi menghakis nilai budaya tempatan sekiranya tidak ditapis dengan berlandaskan identiti dan pegangan masyarakat.

Dalam konteks masyarakat Melayu, pembentukan sistem nilai sejak sekian lama dipengaruhi oleh ajaran Islam sehingga menjadi asas kepada identiti dan jati diri bangsa. Menurut Anuar Omar Din (2008) proses asimilasi antara budaya Melayu dengan ajaran Islam telah melahirkan satu sistem nilai yang membentuk keperibadian masyarakat Melayu. Islam bukan sahaja berfungsi sebagai agama, malah menjadi panduan hidup yang merangkumi aspek akidah, syariah dan akhlak. Oleh sebab itu, kebudayaan Melayu berkembang seiring dengan prinsip-prinsip Islam sehingga mempengaruhi cara berfikir, pandangan hidup, tingkah laku serta pembentukan sahsiah masyarakat. Penghayatan terhadap nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian menjadi elemen penting dalam usaha melahirkan individu yang berakhlak mulia serta memiliki jati diri yang kukuh.

Pembentukan jati diri Melayu Islam merupakan suatu proses yang menekankan keseimbangan antara pembangunan rohani dan jasmani. Individu yang berpegang teguh kepada akidah, mengamalkan syariat serta memelihara akhlak akan lebih berupaya menghadapi cabaran perubahan sosial yang berlaku dalam era globalisasi. Oleh itu, proses pembudayaan yang berteraskan nilai Islam amat penting bagi memastikan masyarakat terus mempertahankan identiti mereka walaupun berhadapan dengan pelbagai pengaruh budaya luar.

Pada masa yang sama, budaya popular semakin menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat moden. Budaya ini lazimnya merujuk kepada amalan, hiburan, fesyen, muzik, gaya hidup atau trend semasa yang mendapat penerimaan meluas dalam kalangan masyarakat. Ciri utama budaya popular ialah sifatnya yang sentiasa berubah mengikut perkembangan teknologi, media dan citarasa pengguna. Apabila sesuatu bentuk budaya popular diterima secara meluas, ia berpotensi mempengaruhi cara hidup, pemikiran serta nilai yang diamalkan oleh masyarakat. Justeru, budaya popular mampu memberikan kesan positif mahupun negatif terhadap pembentukan tamadun dan identiti sesuatu bangsa bergantung kepada sejauh mana masyarakat menilai serta menyesuaikan dengan norma budaya dan agama.

Jati diri Melayu Islam berasaskan beberapa prinsip utama, iaitu Islam sebagai asas pegangan hidup, pembentukan akhlak dan adab menurut syariat serta penghayatan nilai tauhid seluruh aspek kehidupan sama ada dalam institusi keluarga, masyarakat mahupun negara. Adat dan budaya yang bercanggah dengan syariat telah ditinggalkan atau diubah suai agar selaras dengan tuntutan Islam. Oleh itu, kekuatan jati diri bukan sahaja menjadi benteng dalam mempertahankan identiti Melayu Islam, malah berperanan sebagai mekanisme penting dalam menapis pengaruh budaya luar yang semakin berkembang melalui arus globalisasi.

Pantai Chenang di Pulau Langkawi merupakan antara destinasi pelancongan utama di Malaysia yang menerima kehadiran pelancong tempatan dan antarabangsa dalam jumlah yang tinggi. Kawasan yang terletak kira-kira 18.4 kilometer dari Pekan Kuah ini menawarkan pelbagai kemudahan seperti hotel, chalet, restoran, pusat hiburan serta premis perniagaan yang menjadikannya sebagai tumpuan utama pelancongan. Berdasarkan Rancangan Kawasan Khas Pantai Chenang 2015 (RKK Pantai Chenang, 2015), kawasan ini mempunyai koridor pelancongan pantai sepanjang 2.2 kilometer, manakala Narimah (2010) menjelaskan bahawa Pantai Chenang merupakan salah satu destinasi pelancongan yang berasaskan keindahan pantai tropika sebagai produk utama pelancongan di Langkawi.

Kedudukan Pantai Chenang sebagai pusat pelancongan antarabangsa menyebabkan kawasan ini mengalami interaksi budaya yang sangat aktif. Kehadiran pelancong dari pelbagai negara telah membawa bersama pelbagai bentuk budaya popular yang sedikit sebanyak mempengaruhi gaya hidup masyarakat setempat. Sebahagian daripada unsur budaya tersebut diterima sebagai hiburan, peluang ekonomi dan medium interaksi sosial, manakala sebahagiannya pula menimbulkan persoalan berkaitan pemeliharaan identiti budaya serta nilai jati diri Melayu Islam. Oleh yang demikian, artikel ini meneliti impak budaya popular terhadap nilai jati diri komuniti Melayu Islam yang menetap di kawasan tersebut.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti bentuk-bentuk budaya popular yang mempengaruhi komuniti Melayu Islam di Pantai Chenang, Langkawi.
2. Menghuraikan implikasi budaya popular terhadap nilai jati diri komuniti Melayu Islam di Pantai Chenang, Langkawi.

PENYATAAN MASALAH

Industri pelancongan merupakan antara sektor yang menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Sehubungan itu, pembangunan sektor ini perlu dilaksanakan secara terancang agar tidak mengabaikan aspek identiti budaya dan nilai masyarakat tempatan. Dalam Dasar Pelancongan Negara, salah satu penekanan utama ialah mengenengahkan imej dan identiti Malaysia. Penonjolan kepada identiti Malaysia penting bagi menggambarkan keindahan, cara hidup serta menunjukkan perbezaan dengan identiti pelancongan negara lain. Pembangunan pelancongan yang tidak tersusun dan mengikut dasar yang ditetapkan mengakibatkan suasana persekitaran pelancongan di Pantai Chenang sama sahaja dengan persekitaran pelancongan yang terdapat di negara-negara jiran seperti di Bali (Indonesia) dan Phuket (Thailand). Makanan yang bercirikan tempatan kurang ditawarkan kepada pelancong di mana lebih menjurus kepada makanan ala Siam, ala India, ala Barat dan sebagainya. Walaupun makanan ini penting untuk memenuhi selera pelancong luar tetapi makanan bercirikan tempatan juga perlu diketengahkan kepada pelancong. Selain itu, penggunaan pelbagai bahasa antarabangsa dan penjualan minuman keras secara berleluasa mendedahkan penduduk tempatan kepada kejutan budaya yang dikhuatiri menjadi ikutan kepada generasi muda. Sehubungan itu, budaya setempat semakin terhakis dan mengakibatkan berlakunya krisis jati diri dalam kalangan komuniti Melayu Islam di Pantai Chenang, Langkawi (Johan Afendi Ibrahim, 2012). Unsur-unsur asing tersebut akan tersebar dan menjadikannya suatu unsur popular yang menukar tabiat, cara dan gaya kehidupan masyarakat ke arah bentuk yang lebih moden sehingga ada antara mereka telah mula melupakan budaya asal dan menggugat jati diri Melayu Islam dalam sesebuah komuniti. (Muhammad Khairul Hafiz Noor Hissham, 2024). Pantai Chenang, Langkawi sebagai destinasi pelancongan antarabangsa, menjadi lokasi yang signifikan untuk mengkaji proses pertembungan antara budaya popular global dengan nilai jati diri Melayu Islam.

SOROTAN LITERATUR

Perbincangan mengenai jati diri masyarakat Melayu Islam telah mendapat perhatian meluas dalam kalangan sarjana kerana konsep tersebut berkait rapat dengan pembentukan identiti bangsa, sistem nilai serta kelangsungan tamadun. Secara umumnya, jati diri merujuk kepada himpunan nilai, kepercayaan, pegangan agama, budaya dan norma yang membentuk identiti individu atau sesuatu masyarakat. Dalam konteks masyarakat Melayu, pembentukan jati diri tidak dapat dipisahkan daripada pengaruh agama Islam yang menjadi asas kepada sistem kehidupan, pemikiran dan amalan budaya sejak sekian lama.

Kajian oleh Kamarudin Hussin et al. (2025) menjelaskan bahawa Islam merupakan tunjang utama dalam pembentukan jati diri masyarakat Melayu. Menurutnya, hubungan antara agama dan jati diri bersifat saling melengkapi kerana nilai-nilai agama menjadi asas kepada pembentukan budaya, cara hidup dan tamadun

sesuatu masyarakat. Penghayatan terhadap akidah, syariat dan akhlak bukan sahaja membentuk keperibadian individu, malah turut menentukan corak kehidupan masyarakat secara keseluruhan. Dari sudut antropologi, mereka turut menegaskan bahawa identiti sesuatu bangsa dipengaruhi oleh sistem kepercayaan, nilai serta sikap yang diamalkan secara berterusan sehingga menjadi budaya yang diwarisi daripada satu generasi kepada generasi berikutnya.

Selaras dengan pandangan tersebut, Mariam Abd. Majid et al. (2023) menyatakan bahawa Rasulullah SAW merupakan contoh teladan terbaik dalam pembinaan jati diri melalui keseimbangan pembangunan aspek fizikal dan spiritual. Keseimbangan antara kekuatan iman, pelaksanaan ibadah dan kesihatan fizikal membolehkan seseorang individu melaksanakan tanggungjawab serta menyebarkan nilai-nilai kebaikan kepada masyarakat. Individu yang memiliki jati diri berteraskan ajaran Islam juga berupaya mempengaruhi pembentukan jati diri positif dalam kalangan orang di sekelilingnya.

Selain itu, jati diri turut diasaskan kepada pembentukan identiti bangsa yang merangkumi agama, budaya, adat resam, tradisi dan bahasa. Oleh itu, pemerkasaan identiti Melayu perlu diterapkan sejak usia kanak-kanak agar nilai-nilai tersebut dapat dihayati secara berterusan. Pendedahan awal terhadap nilai jati diri Melayu Islam berupaya membentuk daya tahan dalam diri generasi muda daripada pengaruh budaya luar yang bercanggah dengan nilai dan adat resam tempatan. Sebaliknya, kelemahan dalam pembentukan jati diri boleh menyebabkan sebahagian anak muda lebih mengagungkan budaya asing berbanding budaya sendiri, sama ada dari aspek pemikiran, gaya hidup mahupun cara berinteraksi dalam kehidupan seharian. Sehubungan itu, Zaharani (2011) menegaskan bahawa agama merupakan faktor paling dominan dalam pembentukan jati diri kerana agama menyediakan panduan yang jelas kepada manusia dalam menjalani kehidupan.

Dalam konteks budaya popular, Md. Azalanshah Md. Syed (2024) menjelaskan bahawa wanita Melayu berhadapan dengan pelbagai bentuk teks budaya popular yang membawa naratif kemodenan global yang pelbagai. Beliau memperkenalkan konsep kemahiran menonton sebagai strategi penting yang membolehkan wanita Melayu menilai, mentafsir dan menyesuaikan diri secara kritis terhadap kandungan budaya popular berdasarkan latar budaya, ideologi serta pengalaman kehidupan mereka. Pendekatan ini menunjukkan bahawa penerimaan terhadap budaya popular tidak berlaku secara pasif, sebaliknya melibatkan proses penilaian dan pemilihan oleh individu.

Kajian oleh Muhammad Khairul Hafiz Noor Hissham et al. (2024) pula meneliti beberapa bentuk budaya popular yang menjadi ikutan dalam kalangan masyarakat Melayu Islam, antaranya fotografi pra-perkahwinan, bridal shower, swafoto kematian, K-pop, budaya rave dan TikTok. Kajian tersebut mendapati bahawa tidak semua bentuk budaya popular memberi kesan negatif kepada masyarakat. Sebahagiannya membawa manfaat serta diterima dalam Islam selagi tidak bercanggah dengan prinsip syariah. Walau bagaimanapun, masyarakat Islam disarankan agar berhati-hati dalam meniru dan mengamalkan budaya asing supaya tidak terlibat dengan unsur yang bertentangan dengan syarak. Pembentukan jati diri yang berlandaskan ajaran Islam dilihat sebagai mekanisme penting dalam membimbing individu menilai serta menapis pengaruh budaya popular agar selaras dengan tuntutan agama.

Dalam kajian lain, Muhammad Khairul Hafiz Noor Hissham et al. (2022) meneliti pengaruh budaya popular rave dalam kalangan remaja bandar. Kajian tersebut mengklasifikasikan budaya rave sebagai budaya hiburan yang bertentangan dengan ketetapan syarak kerana mengandungi unsur maksiat dan tasyabbuh yang dilarang dalam Islam. Selain tidak memberikan manfaat kepada masyarakat, budaya ini juga dilihat mengabaikan nilai kesantunan sosial, adab, norma dan budaya masyarakat tempatan.

Berdasarkan parameter penilaian *al-'urf*, budaya rave dikategorikan sebagai budaya yang fasid dan wajar di jauhi oleh masyarakat Islam.

Secara keseluruhannya, sorotan literatur menunjukkan bahawa pembentukan jati diri Melayu Islam sangat dipengaruhi oleh pegangan agama, manakala budaya popular pula membawa pengaruh yang pelbagai bergantung pada bentuk dan cara penerimaannya. Walaupun terdapat banyak kajian yang membincangkan jati diri serta budaya popular secara berasingan, kajian yang meneliti hubungan antara kedua-dua aspek tersebut dalam konteks kawasan pelancongan masih terhad. Khususnya, kajian yang memfokuskan kepada pengaruh budaya popular terhadap jati diri komuniti Melayu Islam di Pantai Chenang, Langkawi masih kurang diberikan perhatian. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengisi jurang tersebut dengan meneliti secara empirikal sejauh mana budaya popular mempengaruhi nilai jati diri komuniti Melayu Islam, di samping mengenal pasti bagaimana komuniti tempatan di kawasan pelancongan menyesuaikan diri, menapis atau menolak pengaruh budaya popular dalam kehidupan seharian.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk etnografi bagi memahami secara mendalam fenomena budaya popular serta implikasinya terhadap nilai jati diri komuniti Melayu Islam di Pantai Chenang, Langkawi. Pendekatan etnografi dipilih kerana sesuai untuk meneliti kehidupan masyarakat dalam persekitaran semula jadi, di samping membolehkan penyelidik memahami tingkah laku, amalan budaya, interaksi sosial dan nilai yang diamalkan oleh komuniti setempat. Pengumpulan data dijalankan melalui kajian lapangan menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual separa berstruktur. Kaedah pemerhatian digunakan bagi membolehkan penyelidik mengenal pasti secara langsung bentuk-bentuk budaya popular yang diamalkan di kawasan kajian, selain memahami suasana sosial dan corak kehidupan komuniti setempat. Pemerhatian turut disokong dengan rakaman visual dalam bentuk fotografi bagi mendokumentasikan fenomena budaya popular yang dikenal pasti sepanjang tempoh kajian.

Kerja lapangan dilaksanakan dalam tiga fasa. Pemerhatian pertama dijalankan pada 28 Januari 2026 di Pantai Chenang dengan melibatkan empat orang informan yang terdiri daripada komuniti Melayu Islam yang menetap di kawasan tersebut. Pemerhatian kedua dilaksanakan pada 29 Januari 2026 dan melibatkan sepuluh orang informan, iaitu empat orang belia, tiga orang pengusaha chalet dan tiga orang peniaga yang juga merupakan penduduk tempatan beragama Islam. Pemerhatian ketiga pula dijalankan pada 30 Januari 2026 bagi memperoleh gambaran yang lebih menyeluruh mengenai aktiviti harian komuniti dan bentuk budaya popular yang berkembang di kawasan kajian. Bagi melengkapkan data pemerhatian, temu bual separa berstruktur dijalankan terhadap beberapa informan yang dipilih berdasarkan kesesuaian mereka dengan objektif kajian. Pendekatan ini memberi ruang kepada penyelidik untuk memperoleh maklumat yang lebih terperinci berkaitan pengalaman, pandangan dan persepsi komuniti Melayu Islam terhadap perkembangan budaya popular di Pantai Chenang.

Semua data yang diperoleh melalui pemerhatian, temu bual dan dokumentasi visual dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Proses analisis dilakukan secara sistematik dengan mengkategorikan data kepada beberapa tema utama yang selaras dengan objektif kajian, iaitu bentuk-bentuk budaya popular yang terdapat di Pantai Chenang serta implikasinya terhadap nilai jati diri komuniti Melayu Islam. Pendekatan analisis ini membolehkan penyelidik mengenal pasti pola, persamaan dan perbezaan dalam data sebelum membuat interpretasi terhadap dapatan kajian berdasarkan perspektif budaya dan nilai Islam.

BENTUK-BENTUK BUDAYA POPULAR DI PANTAI CHENANG, LANGKAWI.

Budaya popular merujuk kepada amalan, gaya hidup, hiburan dan bentuk ekspresi budaya yang diterima secara meluas oleh masyarakat serta berkembang mengikut perubahan semasa. Menurut Storey (2018), budaya popular merangkumi pelbagai bentuk hiburan dan amalan sosial seperti muzik, filem, fesyen, media sosial dan aktiviti rekreasi yang mendapat sambutan masyarakat umum. Perkembangan teknologi komunikasi dan industri pelancongan telah mempercepatkan penyebaran budaya popular sehingga melangkaui sempadan negara, sekali gus mempengaruhi corak kehidupan masyarakat tempatan.

Dalam konteks Pantai Chenang, Langkawi, kedudukannya sebagai destinasi pelancongan antarabangsa telah mewujudkan ruang interaksi yang aktif antara komuniti tempatan dengan pelancong dari pelbagai negara. Hasil pemerhatian lapangan mendapati bahawa budaya popular di kawasan ini berkembang dalam pelbagai bentuk, khususnya melibatkan aktiviti hiburan, gaya hidup, pemakanan dan interaksi sosial. Budaya-budaya tersebut bukan sahaja menjadi tarikan kepada pelancong, malah turut membentuk rutin harian serta aktiviti ekonomi masyarakat setempat.

Budaya Hiburan Jalanan

Antara bentuk budaya popular yang paling menonjol di Pantai Chenang ialah kewujudan hiburan jalanan yang menjadi tumpuan pengunjung pada setiap malam. Berdasarkan pemerhatian penyelidik, kawasan pesisir pantai dipenuhi dengan pelbagai persembahan yang bertujuan menghiburkan pelancong, sekali gus mewujudkan suasana malam yang meriah.

Salah satu persembahan yang paling mendapat perhatian ialah persembahan tarian api yang dipersembahkan oleh kumpulan Anak Hantu. Persembahan ini telah menjadi identiti hiburan di Pantai Chenang dan sentiasa menarik kehadiran pelancong tempatan serta antarabangsa. Hasil temu bual mendapati bahawa kebanyakan pemain api merupakan belia tempatan yang mempelajari kemahiran tersebut secara tidak formal daripada generasi terdahulu. Walaupun berasaskan kemahiran tradisional, persembahan tersebut telah dipersembahkan dalam bentuk yang lebih moden dan kreatif bagi memenuhi citarasa pelancong masa kini. Selain menjadi medium hiburan, persembahan tarian api turut membuka peluang ekonomi kepada golongan belia. Pendapatan mereka diperoleh melalui bayaran persembahan serta sumbangan sukarela daripada penonton. Keadaan ini memperlihatkan bahawa budaya popular bukan sahaja berfungsi sebagai aktiviti rekreasi, malah menjadi sumber pendapatan kepada komuniti setempat.

Di samping itu, persembahan muzik jalanan atau *busking* turut menjadi sebahagian daripada landskap budaya popular di Pantai Chenang. Kumpulan pemuzik lazimnya mempersembahkan lagu-lagu popular menggunakan gitar dan peralatan muzik ringkas bagi menghiburkan pengunjung yang bersiar-siar pada waktu malam. Pemerhatian mendapati bahawa sebahagian besar lagu yang dimainkan ialah lagu berbahasa Inggeris bagi memenuhi citarasa pelancong antarabangsa. Persembahan ini bukan sahaja mewujudkan suasana santai, malah menjadi platform kepada penggiat seni tempatan untuk mempamerkan bakat serta menjana pendapatan melalui sumbangan orang ramai.

Satu lagi tarikan yang semakin mendapat perhatian ialah persembahan robot berkostum seperti watak *Transformers* yang beroperasi di sekitar Dataran Chenang. Persembahan ini khususnya menarik perhatian

kanak-kanak dan keluarga yang berkunjung pada waktu malam. Pengunjung berpeluang bergambar bersama robot tersebut sambil memberikan sumbangan secara sukarela. Kehadiran hiburan interaktif seperti ini menunjukkan bahawa bentuk budaya popular sentiasa berkembang selaras dengan kehendak industri pelancongan yang lebih menekankan pengalaman dan penglibatan pengunjung.

Budaya Pemakanan dan Gaya Hidup Santai

Perkembangan industri pelancongan turut mempengaruhi corak pemakanan masyarakat di Pantai Chenang. Hasil pemerhatian menunjukkan bahawa kebanyakan premis makanan menawarkan hidangan antarabangsa seperti masakan Barat, Arab, India dan Thailand bagi memenuhi permintaan pelancong. Pada masa yang sama, makanan yang tular di media sosial atau dikenali sebagai makanan *viral* lebih banyak dipasarkan berbanding makanan tradisional Melayu.

Fenomena ini memperlihatkan bahawa budaya pemakanan tidak lagi sekadar memenuhi keperluan asas manusia, sebaliknya menjadi sebahagian daripada gaya hidup moden. Aktiviti menikmati makanan di restoran atau kafe kini berfungsi sebagai medium untuk bersosial, berehat serta berkongsi pengalaman bersama keluarga dan rakan-rakan. Suasana tersebut jelas kelihatan di kawasan pantai, apabila ramai pengunjung memilih untuk menikmati makan malam sambil menyaksikan matahari terbenam atau persembahan hiburan jalanan.

Selain itu, budaya bersantai atau *lepak* di kawasan pantai turut menjadi amalan yang semakin popular. Pengunjung menghabiskan masa dengan berbual, menikmati pemandangan laut, merakam gambar dan berinteraksi bersama ahli keluarga atau rakan-rakan. Aktiviti ini menggambarkan perubahan fungsi kawasan pantai daripada sekadar lokasi rekreasi kepada ruang sosial yang memperkukuhkan hubungan antara individu dalam suasana santai.

Budaya Pelancongan dan Interaksi Sosial

Sebagai destinasi pelancongan antarabangsa, Pantai Chenang memperlihatkan tahap interaksi sosial yang tinggi antara masyarakat tempatan dengan pelancong asing. Hasil pemerhatian menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa asing lain menjadi perkara biasa dalam urusan harian, khususnya dalam sektor perhotelan, perniagaan, restoran dan perkhidmatan pelancongan. Interaksi yang berterusan ini mendorong komuniti tempatan menyesuaikan kemahiran komunikasi, layanan pelanggan dan bentuk perkhidmatan mengikut keperluan pelancong antarabangsa. Dalam masa yang sama, keadaan tersebut turut mempercepatkan proses pertukaran budaya apabila masyarakat tempatan terdedah kepada pelbagai cara hidup, nilai dan amalan yang dibawa oleh pelancong dari luar negara.

Di samping memberi manfaat ekonomi, interaksi budaya yang berlaku secara berterusan turut menyumbang kepada pembentukan norma sosial baharu dalam kalangan komuniti setempat. Hal ini menunjukkan bahawa industri pelancongan bukan sahaja mempengaruhi pembangunan ekonomi, malah menjadi pemangkin kepada perubahan budaya dan gaya hidup masyarakat.

Budaya Digital Dan Fotografi

Perkembangan teknologi digital turut mempengaruhi bentuk budaya popular di Pantai Chenang. Sepanjang pemerhatian, penyelidik mendapati bahawa aktiviti fotografi dan penghasilan kandungan media sosial

menjadi antara aktiviti utama pengunjung. Kawasan pantai, dataran awam dan lokasi yang mempunyai latar belakang menarik sering dijadikan tempat untuk merakam gambar serta menghasilkan kandungan bagi dimuat naik ke platform media sosial. Selain itu, terdapat juga pasangan yang mendapatkan perkhidmatan fotografi pra-perkahwinan bagi merakam kenangan di sekitar Pantai Chenang. Fenomena ini menunjukkan bahawa media digital telah mengubah fungsi sesuatu lokasi pelancongan daripada sekadar destinasi rekreasi kepada ruang penghasilan kandungan visual yang mempunyai nilai simbolik dan komersial.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa budaya popular di Pantai Chenang berkembang dalam pelbagai dimensi yang merangkumi hiburan, pemakanan, pelancongan dan penggunaan media digital. Kepelbagaian budaya tersebut memberikan manfaat dari sudut ekonomi dan pembangunan pelancongan, namun pada masa yang sama turut membuka ruang kepada kemasukan nilai budaya luar yang berpotensi mempengaruhi identiti serta jati diri komuniti Melayu Islam. Oleh itu, budaya popular di kawasan ini perlu dilihat sebagai fenomena yang mempunyai implikasi positif dan negatif bergantung pada cara masyarakat menerima, menyesuaikan dan menapis pengaruh tersebut berdasarkan nilai agama serta budaya tempatan.

Rajah 1

Bentuk-Bentuk Budaya Popular



Persembahan api, muzik jalanan, robot menari, budaya makan luar dan lepak,

Sumber:Penulis

IMPLIKASI BUDAYA POPULAR TERHADAP NILAI JATI DIRI KOMUNITI MELAYU ISLAM DI PANTAI CHENANG, LANGKAWI

Dapatan kajian menunjukkan bahawa perkembangan budaya popular di Pantai Chenang memberikan implikasi yang pelbagai terhadap pembentukan dan pemeliharaan jati diri komuniti Melayu Islam. Sebagai sebuah destinasi pelancongan antarabangsa, Pantai Chenang menjadi ruang pertembungan antara budaya tempatan dengan budaya global yang berlaku secara berterusan. Pertembungan ini mewujudkan peluang kepada masyarakat untuk memperoleh manfaat ekonomi dan memperluas pengalaman sosial, namun

dalam masa yang sama turut membawa cabaran terhadap kelangsungan nilai agama, budaya dan identiti Melayu Islam.

Implikasi Positif Terhadap Pembangunan Komuniti

Hasil kajian mendapati bahawa budaya popular telah membuka ruang kepada komuniti tempatan, khususnya golongan belia, untuk meningkatkan taraf sosioekonomi melalui penglibatan dalam industri pelancongan. Persembahan tarian api, muzik jalanan, perkhidmatan pelancongan serta aktiviti hiburan lain menjadi sumber pendapatan alternatif kepada masyarakat setempat. Keadaan ini menunjukkan bahawa budaya popular bukan sekadar memenuhi keperluan hiburan pelancong, malah berfungsi sebagai medium pembangunan ekonomi komuniti.

Pemerhatian penyelidik turut mendapati bahawa sebahagian persembahan hiburan menggabungkan elemen tradisional dengan kreativiti kontemporari bagi menarik minat pengunjung. Pendekatan ini memperlihatkan kemampuan masyarakat tempatan menyesuaikan warisan budaya dengan kehendak industri pelancongan tanpa menghapuskan identiti asalnya. Misalnya, persembahan tarian api masih mengekalkan unsur kemahiran tradisional, namun dipersembahkan dalam bentuk yang lebih moden serta interaktif. Seorang informan menyatakan bahawa persembahan tersebut bukan sahaja menjadi tarikan pelancong, malah mampu menyemai semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda apabila dipersembahkan bersempena sambutan Hari Kebangsaan dan program kenegaraan. Menurut beliau:

"Persembahan api ini amat menarik dan dapat menanamkan semangat cinta akan negara dalam kalangan generasi muda. Mereka amat memerlukan hiburan yang sebegini dengan pengisian yang baik dan menarik. Dengan adanya persembahan ini, anak-anak muda juga dapat berhibur bersama keluarga tanpa membuang masa dengan gajet."

Pandangan tersebut memperlihatkan bahawa budaya popular berpotensi menjadi medium pendidikan tidak formal sekiranya kandungan yang dipersembahkan mengandungi nilai patriotisme, perpaduan dan pembentukan sahsiah. Selain itu, budaya popular turut menyumbang kepada pembangunan modal insan melalui peningkatan kemahiran komunikasi dan interaksi sosial. Informan kajian menjelaskan bahawa golongan belia yang bekerja dalam sektor pelancongan didedahkan kepada latihan komunikasi, penguasaan bahasa Inggeris serta kemahiran berinteraksi dengan pelancong antarabangsa. Kemahiran tersebut meningkatkan kebolehpasaran mereka dalam sektor pelancongan dan perkhidmatan. Seorang responden menjelaskan:

"Komuniti di Chenang, khususnya anak-anak muda, berpeluang menjana pendapatan dengan bekerja sebagai pemain api dan pemandu pelancong. Walaupun agak berbahaya, mereka diajar cara beraksi dengan selamat, berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dan melayan pelancong asing dengan baik."

Dapatan ini menunjukkan bahawa budaya popular mampu menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi dan peningkatan kemahiran insaniah sekiranya diurus secara sistematik dan beretika.

Pengaruh Terhadap Perubahan Nilai dan Gaya Hidup

Di sebalik manfaat yang diperoleh, dapatan kajian menunjukkan bahawa budaya popular turut mempengaruhi perubahan gaya hidup komuniti Melayu Islam, khususnya dalam kalangan generasi muda. Pendedahan yang berterusan kepada budaya global menyebabkan sebahagian masyarakat menerima nilai baharu yang berbeza daripada norma budaya Melayu Islam. Perubahan tersebut dapat diperhatikan melalui aspek pemakaian, bentuk hiburan, corak pergaulan serta penggunaan media digital. Budaya yang berasal dari luar semakin diterima sebagai simbol kemodenan, keterbukaan dan status sosial. Akibatnya, sebahagian masyarakat lebih cenderung menyesuaikan diri dengan kehendak budaya global berbanding mengekalkan identiti budaya tempatan.

Fenomena ini selari dengan pandangan Wan Abdul Kadir Wan Yusoff (2005) yang menyatakan bahawa budaya popular mempunyai pengaruh yang kuat terhadap corak kehidupan masyarakat kerana penyebarannya merentasi semua lapisan sosial. Golongan muda lebih mudah menerima budaya baharu kerana mereka sentiasa terdedah kepada perkembangan teknologi, media digital dan perubahan trend semasa.

Cabaran Terhadap Penghayatan Nilai Islam

Kajian ini turut mendapati bahawa perkembangan budaya popular di kawasan pelancongan memberi cabaran kepada usaha mengekalkan nilai jati diri Melayu Islam. Antara isu yang dikenal pasti ialah peningkatan budaya hiburan malam, pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, kemudahan memperoleh minuman beralkohol serta kecenderungan sebahagian masyarakat menjadikan hiburan sebagai gaya hidup. Seorang informan menyatakan bahawa perubahan tersebut semakin ketara sejak Pantai Chenang berkembang sebagai destinasi pelancongan antarabangsa. Menurut beliau:

"Kami bukan menolak perubahan, tetapi banyak perkara sudah berubah. Kami melihat pergaulan antara lelaki dan perempuan semakin bebas, arak mudah diperoleh dan hiburan yang melalaikan juga semakin banyak. Ada juga yang terlibat dalam kegiatan yang menyalahi undang-undang. Perkara ini perlu diberi perhatian supaya keindahan Pantai Chenang tidak dicemari."

Ini menunjukkan bahawa pembangunan pelancongan yang tidak disertai dengan kawalan sosial dan penghayatan nilai agama berpotensi mewujudkan konflik antara tuntutan ekonomi dengan pemeliharaan identiti masyarakat setempat.

Hakisan Warisan Budaya Tempatan

Satu lagi dapatan penting kajian ialah berlakunya pengurangan penghayatan terhadap warisan budaya tradisional. Informan berpandangan bahawa generasi muda semakin kurang mengenali sejarah, seni persembahan dan cerita rakyat yang menjadi identiti masyarakat Langkawi. Seorang responden menjelaskan:

"Kini masyarakat sudah tidak lagi mengetahui warisan kebudayaan lama seperti Mek Mulong dan kisah Mahsuri. Mungkin mereka hanya mengenali namanya sahaja tanpa memahami nilai yang terkandung di sebaliknya."

Keadaan ini memperlihatkan bahawa budaya popular global semakin mendominasi ruang budaya masyarakat sehingga warisan tradisional kurang diberikan perhatian. Sekiranya fenomena ini berterusan, masyarakat berisiko kehilangan memori budaya yang menjadi asas pembentukan identiti Melayu Islam.

Dilema Antara Kemodenan Dan Identiti

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa komuniti tempatan berhadapan dengan dilema dalam menyeimbangkan tuntutan industri pelancongan dengan keperluan mempertahankan nilai budaya dan agama. Sebahagian informan mengakui bahawa mereka perlu memenuhi kehendak pelancong bagi memastikan kelangsungan sumber pendapatan. Seorang responden menyatakan:

"Kami perlu mengikut arus kemodenan kerana kebanyakan pelanggan ialah pelancong asing. Mereka lebih menghargai pekerja yang boleh berbahasa Inggeris, memberikan perkhidmatan yang baik dan memenuhi keperluan mereka."

Ini menunjukkan bahawa proses globalisasi bukan sahaja mengubah corak pekerjaan masyarakat, malah mempengaruhi cara mereka mentafsir kemodenan. Walaupun penyesuaian terhadap kehendak industri pelancongan merupakan suatu keperluan ekonomi, proses tersebut perlu diseimbangkan dengan pemeliharaan nilai agama dan budaya agar tidak menjejaskan identiti komuniti Melayu Islam.

PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian membuktikan bahawa budaya popular bukanlah fenomena yang bersifat mutlak sama ada positif atau negatif. Sebaliknya, implikasinya bergantung kepada tahap literasi budaya, kekuatan pegangan agama dan keupayaan masyarakat menilai setiap pengaruh yang diterima. Budaya popular boleh menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi, peningkatan kreativiti dan pengukuhan hubungan sosial apabila dimanfaatkan secara berhemah. Namun, sekiranya diterima tanpa tapisan berdasarkan prinsip syariah dan nilai budaya tempatan, budaya tersebut berpotensi menghakiki identiti, melemahkan penghayatan agama serta mengubah sistem nilai masyarakat Melayu Islam.

Oleh yang demikian, pembentukan jati diri berteraskan akidah, syariah dan akhlak perlu diperkasakan sebagai mekanisme utama dalam menghadapi cabaran globalisasi budaya. Pada masa yang sama, pembangunan industri pelancongan perlu dilaksanakan secara lestari dengan memberi penekanan kepada pemeliharaan warisan budaya, pengukuhan pendidikan nilai serta penglibatan aktif komuniti tempatan agar pembangunan ekonomi dapat bergerak seiring dengan kelangsungan identiti Melayu Islam.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa perkembangan budaya popular tempatan, khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu, mempunyai ciri, dinamik dan identitinya yang tersendiri serta tidak bergantung sepenuhnya kepada pengaruh industri budaya dari negara-negara maju. Sebaliknya, proses penghasilan dan penyebaran budaya popular di Malaysia memperlihatkan keupayaan penggiat industri tempatan menyesuaikan elemen budaya luar dengan nilai, keperluan dan konteks sosiobudaya masyarakat setempat. Penyesuaian ini membolehkan isu-isu tempatan diketengahkan secara lebih relevan

dan diterima oleh khalayak tempatan. Walau bagaimanapun, kajian ini turut mendapati bahawa budaya popular membawa implikasi yang bersifat dualistik terhadap pembentukan jati diri komuniti Melayu Islam di Pantai Chenang. Dari sudut positif, budaya popular berpotensi menjadi medium penyampaian nilai, pemeliharaan identiti budaya dan pengukuhan hubungan sosial. Namun demikian, pengaruh budaya yang tidak selaras dengan nilai-nilai Islam berpotensi menghakis identiti dan jati diri masyarakat sekiranya diterima tanpa proses penilaian yang kritis. Oleh itu, penerimaan terhadap unsur-unsur budaya popular perlu diteliti berdasarkan prinsip agama dan nilai budaya yang selaras dengan identiti masyarakat Melayu Islam. Pendekatan ini penting bagi memastikan pembangunan budaya popular dapat menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang seimbang, beridentiti kukuh dan berteraskan nilai-nilai Islam.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada Editorial AHJMM, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM dan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus dari mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

SUMBANGAN PENGARANG

Kesemua bahagian dalam penulisan ini dihasilkan oleh penulis makalah. Penulis telah membaca dan bersetuju dengan versi manuskrip yang diterbitkan.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Anwar Omar Din. (2008). *Asas kebudayaan dan kesenian Melayu*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Johan Afendi Ibrahim, Norhanim Abdul Razak & Mohamad Zaki Ahmad. (2012). Impak Pembangunan pelancongan terhadap destinasi pantai kajian kes: Pantai Chenang, Langkawi. *Prosiding PERKEM VII*, Jilid 1, 601-610.

- Kamarudin Hussin, Bibi Noraini Mohd Yusuf, Amalina Basir & Noridah Yangman. (2025). Islam jati diri Melayu dan perkaitannya dengan pembentukan budaya. *Jurnal Dunia Pengurusan*, Vol. 7, No. 1, hlm. 40-50.
- Laurent Metzger. (2009). *Nilai-nilai Melayu satu sudut pandang orang luar*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Sultan Idris.
- Mariam Abdul Majid, Abur Hamdi Usman, Nurzatil Ismah Azizan, Noor Hafizah Mohd Haridi, Noraini Mohamad, Zainab Ismail & Aisyah Humairak Abdul Rahman. (2023). Pembangunan jati diri insan menurut perspektif hadis. *Jurnal HADIS*, 13(26), hlm. 38-50.
- Md Azalanshah Md Syed. (2024). *Budaya popular wanita Melayu dan naratif kemodenan global*. Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Khairul Hafiz Noor Hissham, Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar & Mohd Anuar Ramli. (2022). Pengaruh budaya rave dalam kelompok remaja bandaran: Analisis dari perspektif hukum Islam. *Jurnal Fiqh*, Vol. 19, no 2, hlm. 133-156.
- Muhammad Khairul Hafiz Noor Hissham, Mohd Anuar Ramli & Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar. (2024). *Budaya popular dalam masyarakat Melayu: Analisis perspektif hukum Islam*. Penerbit UTHM.
- Narimah Samat. (2010). Assessing land use land cover changes in Langkawi Island: Towards Sustainable Urban Living. *Malaysia Journal of Environmental Management* 11 (1) 2010.
- Scott, J. C. (1985). *Weapons of the weaks*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Storey, J. (2018). *Cultural theory and popular culture: An introduction*. Routledge.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff. (1988). *Budaya popular dalam masyarakat Melayu bandaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff. (2000). *Tradisi dan perubahan norma dan nilai di kalangan orang-orang Melayu*. Kuala Lumpur: Masfami Enterprise.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff. (2005). *Budaya popular dalam pembangunan masyarakat dan budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff. (2007). *Nilai dan norma masyarakat dan budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu.
- Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin, Fazal Mohamed, Harishon Radzi & Mohd Shabri Yusof. (2011). Pemeriksaan Jati Diri Bahasa Melayu: Isu Penyerapaan Kata Asing (Empowerment and Configuration Malay language Identity: Infiltration of Foreign Vocabularies Issue). *Jurnal Melayu*. 6: 13-27.